

UMT cadang bina kampus kedua

SH 16/08/07 pg. N3

■ ASWANY OMAR

KUALA TERENGGANU - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) ber-cadang untuk membina kampus keduanya di Bukit Kor, Marang mem-babitkan kawasan tapak seluas 240 hektar.

Naib Canselor UMT, Datuk Dr Sulaiman Md Yassin berkata, cadangan pembinaan tersebut bertujuan meningkatkan institusi pendidikan dan pengurusan UMT selain menyediakan kursus berkaitan Sains dan Perkapalan serta Bioteknologi Marin.

"Kita telah meng-usulkan cadangan tersebut kepada Kementerian

Pengajian Tinggi Malaysia dan peruntukan sebanyak RM500 juta dijangka diper-oleh melalui Rancangan Malaysia Ke -10 (RMK-10)," katanya.

Beliau berkata demiki-an kepada pemberita se-lepas menerima kunjung-an lawatan Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yacop ke Kompleks Kolej Kediaman Fasa Pertama, UMT yang dalam pembinaan, se-

malam.

Kompleks yang ber-harga RM20.2 juta itu membabitkan satu blok as-rama lelaki dan perempuan yang memuatkan 1,570 pelajar serta dewan makan dan surau yang bo-leh menerima kapasiti se-ramai 500 dan 200 pelajar pada satu masa.

"Pembinaan Kolej Kediaman berkenaan ada-lah berkonsepkan apart-men dengan lima buah

bilik dan dilengkapi de-ngan dua bilik air supaya pelajar supaya pelajar da-pat menikmati keselesa-an maksimum ketika di asrama," katanya.

Katanya, kompleks yang bakal menerima pelajar pada Julai depan itu telah siap sebanyak 97 peratus dan akan di-teruskan mengikut ja-dual yang ditetapkan.

Tambahnya, 80 pe-ratus pelajar kini ting-gal di asrama yang disedia-kan dan pem-binaan kom-pleks berkenaan sekali gus dapat menampung pe-lajar yang ma-sih tinggal di luar asrama.

Kompleks yang berharga RM20.2 juta itu membabitkan satu blok asrama lelaki dan perempuan yang memuatkan 1,570 pelajar serta dewan makan dan surau yang boleh menerima kapasiti seramai 500 dan 200 pelajar pada satu masa.